



SWM ENVIRONMENT



## SWM ENVIRONMENT & MATRIX CONCEPTS JAYAKAN MISI SAMPUL MERAH SEMPENA SAMBUTAN TAHUN BARU CINA

---

**Seremban, 29 Januari 2019** – Bersempena dengan perayaan Tahun Baru Cina yang bakal disambut tidak lama lagi, SWM Environment Sdn Bhd dan Matrix Concepts Holdings Berhad telah menjalinkan usahasama dalam menjayakan satu program amal iaitu **Misi Sampul Merah** kepada 31 penerima Orang Kurang Upaya (OKU) dari Seremban, Negeri Sembilan.

Program yang diadakan di d'Tempat Country Club, Bandar Sri Sendayan ini, telah dihadiri lebih daripada 200 orang tetamu termasuk 31 orang penerima bantuan berstatus OKU. Hadir bersama-sama dalam memeriahkan program ini adalah YB Teo Kok Seong, Exco Kesejahteraan Bandar, Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Kampung Baru Negeri Sembilan; Encik Ho De Leong, Ketua Pegawai Operasi SWM Environment; Haji Mustaza Musa, Ketua Perhubungan Pihak Berkuasa Matrix Concepts; serta kakitangan SWM, Matrix Concepts dan d'Tempat Country Club.

*“Kolaborasi Rakan Budiman diantara SWM Environment dan Matrix Concepts melalui program tahunan SWM Kasih adalah usahasama yang perlu diterapkan kerana ini mampu memberi keceriaan serta meringankan beban bagi membuat persiapan untuk menyambut Tahun Baru Cina terutamanya kepada golongan yang memerlukan,”* kata Encik Ho De Leong.

Datin Yong Chou Lian, Matrix Concepts turut menyampaikan kegembiraannya menerusi program seumpama ini. *“Kami di Matrix Concepts sememangnya prihatin terhadap komuniti yang memerlukan dan hari ini saya berasa gembira kerana berpeluang meraikan sambutan awal Tahun Baru Cina bersama penerima OKU dan juga SWM buat julung kalinya.”*

Melalui usahasama yang dilaksanakan ini diharapkan ia mampu memberi impak positif dan mendorong syarikat-syarikat yang lain dalam membantu lebih ramai golongan yang kurang berkemampuan sekaligus meringankan beban terutamanya ketika membuat persiapan menjelang perayaan.

Penerima-penerima **Misi Sampul Merah** turut disajikan dengan minum petang disamping menerima hamper berupa produk makanan, limau mandarin dan *angpow*. Persembahan Tarian Singa juga menambahkan lagi kemeriahan sambutan disamping upacara *Yee Sang* yang melengkapkan lagi sambutan perayaan Tahun Baru Cina pada kali ini.

TAMAT

**Mengenai SWM Environment Sdn Bhd**

SWM Environment Sdn Bhd (SWM) adalah syarikat konsesi yang dilantik oleh kerajaan bagi mengendalikan Pegurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam bagi Zon Selatan Semenanjung Malaysia (Negeri Sembilan, Melaka dan Johor). SWM memberikan perkhidmatan kepada lebih 5 juta isi rumah dengan tenaga kerja seramai kira-kira 6,000 orang dan mempunyai kenderaan serta jentera melebihi 1000 buah pelbagai jenis kegunaan. Sila layari laman web [www.swm-environment.com](http://www.swm-environment.com) untuk maklumat lanjut.

### **Mengenai Matrix Concepts Holdings Berhad**

Ditubuhkan pada tahun 1996, Matrix Concepts Holdings Berhad adalah salah satu pemaju terkemuka di Negeri Sembilan. Kumpulan Matrix Concepts telah membina rekod prestasi yang kukuh dengan membangunkan hartanah kediaman dan komersil di Negeri Sembilan dan Johor. Ia kini telah mengembangkan unit perniagaannya berpaksikan empat teras utama; Pembangunan hartanah, Pembinaan, Pendidikan dan Hospitaliti.

Kumpulan Matrix Concepts kini menetapkan penanda aras baru dalam pembangunan perbandaran bersepadu, iaitu Bandar Sri Sendayan yang berjumlah 5.233 ekar, dengan 30,000 jumlah masyarakat yang berkembang maju dan pesat, bersama dengan perbandaran Bandar Seri Impian di Kluang, Johor. Bandar Sri Sendayan pada hari ini mempunyai kemudahan kelas pertama seperti d'Tempat Country Club yang bersijilkan GBI, Matrix Global Schools, d'Sora Business Boutique Hotel, dan X Park, dan pelbagai rumah mampu milik dengan harga yang berpatutan di antara kawasan yang subur, di mana kehidupan bermasyarakat adalah teras perkembangannya.

Matrix Concepts juga merupakan pemaju Sendayan TechValley - sebuah kelompok perindustrian di Bandar Sri Sendayan - yang telah melihat kehadiran jenama terkenal di peringkat global dan domestik yang semakin meningkat dan menarik lebih daripada pelaburan asing bernilai lebih RM4 bilion setakat ini.

Untuk maklumat lanjut, sila layari: [www.mchb.com.my](http://www.mchb.com.my)

---

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

#### **SWM Environment Sdn Bhd**

##### ***Siti Mariam Binti Aziz***

*Eksekutif Komunikasi Korporat*

*Tel* : +606 – 601 4276

*Fax* : +606 – 601 4279

*Email* : [Mariam.aziz@swmsb.com](mailto:Mariam.aziz@swmsb.com)

#### **Matrix Concepts Holdings Berhad**

##### ***Anisah Zaid***

*Senior Eksekutif Komunikasi Korporat & Perhubungan Awam*

*Tel* : +606 – 764 2688

*Fax* : +606 – 764 6288

*Email* : [anisah@mchb.com.my](mailto:anisah@mchb.com.my)